

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2004/2005

Oktober 2004

HMT 321 – Semantik Bahasa Malaysia

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **LIMA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **EMPAT** soalan. Soalan **BAHAGIAN A** adalah **WAJIB** dijawab. Jawab mana-mana **DUA** soalan yang lain.

Tulis nombor 1 hingga 5 berturutan di muka hadapan buku jawapan anda sama ada soalan tersebut dijawab atau tidak. Beri tanda pangkah di hadapan nombor soalan yang tidak dijawab.

Bahagian A: Soalan No. 1 dan No. 2 wajib dijawab

1. Jawab soalan [a], [b] DAN [c].

[a] Beri penjelasan mengenai **tujuan** dan **keperluan** teori dalam pengkajian semantik dan **ciri-ciri yang perlu ada** pada teori tersebut.

[10 markah]

[b] Nyatakan perbezaan di antara pertuturan, ayat dan perkaitan kedua-duanya dengan konsep proposisi. Sertakan contoh-contoh dari Bahasa Malaysia untuk menjelaskan jawapan anda.

[10 markah]

[c] Nyatakan jika pasangan ayat-ayat dalam **Data 1** berikut mengandungi proposisi yang sama atau berlainan.

Data 1

[i] Hafiz membunuh Norli.
Hafiz menyebabkan kematian Norli.

[ii] Hafiz membenci Norli.
Norli membenci Hafiz.

[iii] Hafiz membenci Norli.
Norli dibenci oleh Hafiz.

[iv] Norezah memang pelupa orangnya.
Betulkah Norezah seorang pelupa?

[v] Mulut manusia boleh ditutup.
Mulut manusia tidak boleh ditutup.

[10 markah]

2. Jawab soalan [a] DAN [b].

[a] Bincang dan bandingkan secara ringkas fungsi logik dalam ilmu semantik dan hubungannya dengan perbuatan rasional dari segi tujuan dan makna.

[5 markah]

...3/-

- [b] Terjemahkan ayat-ayat ini dalam notasi formula logik.
- [i] Vince dan Khir adalah rakyat Malaysia.
 - [ii] Amin nampak Vince atau Khir.
 - [iii] Amin tidak bersedih dan begitu juga Vince.
 - [iv] Jika Amin sayangkan Lin, dia akan bersedih.
 - [v] Jika Amin tidak sombong atau pun bakhil, Lin akan menyayangi dia.
- [5 markah]

Bahagian B: Jawab mana-mana **DUA** soalan daripada **TIGA** soalan dalam **Bahagian B**.

3. Jawab soalan [a], [b] DAN [c] di bawah.

- [a] Nyatakan hubungan di antara ayat dalam **Kumpulan A** dan ayat dalam **Kumpulan B** berikut.

Kumpulan A

- [i] Din mengunyah tembakau.
- [ii] Amin mencuri loket Ani.
- [iii] Itu loket yang mahal.
- [iv] Amin tidak mencuri loket Ani.
- [v] Lelaki pendek itu terjatuh.

Kumpulan B

- Din mengunyah sirih.
- Amin mengambil loket Ani.
- Itu barang kemas yang mahal.
- Amin tidak mengambil loket Ani.
- Orang yang pendek itu terjatuh.

[10 markah]

- [b] Nyatakan rumus yang menunjukkan hubungan simetri kumpulan ayat [i] hingga [v] di atas jika ada.

[10 markah]

- [c] Berikan definisi takwilan, hiponim, sinonim, dan parafrasa berserta dengan contoh dalam bahasa Melayu yang sesuai.

[10 markah]

4. Jawab semua soalan [a], [b] dan [c].

[a] Bagi setiap ayat [i] hingga [v], nyatakan ayat mana yang

- analitik,
- sintetik, dan
- ayat percanggahan.

Beri sebab-sebab yang berasaskan nilai kebenaran bagi setiap jawapan anda.

[i] Kedua-dua kawan saya cedera parah kerana mereka jatuh cinta.

[ii] Jam tangan saya lambat.

[iii] Adik Johan yang berumur 9 tahun itu ialah seorang lelaki.

[iv] Kuman ialah sejenis bakteria.

[v] Lelaki itu ialah seorang wanita.

[10 markah]

[b] Nyatakan perbezaan dan persamaan antara stereotaip dan prototaip dan beri contoh-contoh yang sesuai untuk menjelaskan penerangan anda.

[10 markah]

[c] Nyatakan ciri-ciri stereotaip dan prototaip bagi perkataan-perkataan berikut:

[i] rumah [ii] ikan yu [iii] buah oren

[10 markah]

5. Jawab soalan [a], [b] dan [c].

[a] Nyata dan buktikan darjah predikasi bagi setiap predikator berikut dengan ayat-ayat yang sesuai:

[i] antara

[iv] mengirinkan

[ii] tercekik

[v] bermesyuarat

[iii] malu

[10 markah]

...5/-

- [b] Apakah persamaan dan perbezaan antara argumen dan predikat bagi ayat-ayat yang anda gunakan sebagai contoh di atas?

[10 markah]

- [c] Daripada senarai predikat di bawah, nyatakan yang mana tidak tergolong dalam kumpulan kelas semulajadi dan beri alasan.

[i] meleleh, menitik, memercik, melecek, menyerap, mengalir

[ii] di, atas, ke, dekat, bawah, rantau, dalam

[iii] menggosok, menggaru, menyapu, mengikis, memberus, menggelap

Adakah set [i], [ii] dan [iii] akan dinyatakan sebagai satu kumpulan di dalam kamus atau tidak? Mengapa?

[10 markah]